

Kerajaan terus teliti kerenah birokrasi — KSN

UM 9 JAN 2002

Oleh ABDUL HAMID MOHAMMAD

KUALA LUMPUR 8 Jan. Kerajaan akan terus meneliti kerenah birokrasi dalam sistem pentadbirannya bagi mengenal pasti punca yang menyebabkan hanya separuh daripada peruntukan RM7.3 bilion yang disediakan dalam pakej ransangan ekonomi dibelanjakan tahun lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman berkata, beliau akan meneliti setiap masalah yang timbul kerana pentadbiran kerajaan perlu berfungsi dengan sempurna setiap masa.

Menurut beliau, kelicinan pentadbiran kerajaan perlu ditingkatkan dari setahun ke setahun bagi memastikan setiap projek yang disediakan dapat dilaksanakan bagi faedah rakyat.

"Jumlah wang dan projek terlibat agak banyak, saya kena teliti setiap projek untuk mengetahui punca ia tidak dapat dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Tinta Kencana 2001 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kerajaan hanya membelanjakan kira-kira 50 peratus daripada RM7.3 bilion yang diperuntukan di bawah pakej ransangan ekonomi bagi menangani kelemahan ekonomi Amerika Syarikat, tahun lalu.

Dr. Mahathir berkata, beliau juga belum berpuas hati dengan pencapaian 87 peratus daripada perbelanjaan bagi peruntukan kerajaan untuk tahun 2001.

Berikutan itu, kata Perdana Menteri, kerajaan akan memperkenalkan sistem belanjawan dua tahun sekali, bermula tahun ini bagi memastikan peruntukan tahunan dapat dibelanjakan sepenuhnya.

Dr. Mahathir berkata, melalui sistem baru itu pelaksanaan projek-projek tertentu boleh dipercepatkan kerana rancangannya akan dibentangkan dalam belanjawan setahun sebelum itu bagi membolehkan segala urusan diselesaikan sebelum tiba tahun tersebut.

Mengenai sistem baru itu, Samsudin berkata, kerajaan akan memastikan ia dilaksa-

nakan sebaik mungkin bagi faedah rakyat.

Mengenai Akujanji, beliau percaya kakitangan awam di seluruh negara akan menandatangani secepat mungkin.

Menurut beliau, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan proses itu di seluruh negara dalam tempoh tiga bulan.

Pada masa ini kerajaan mempunyai seramai kira-kira 950,000 kakitangan awam.

Proses menandatangani Akujanji oleh kakitangan awam bermula semalam dengan Ketua Setiausaha Negara menjadi orang pertama menurunkan tandatangan dalam satu majlis simbolik di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini.

Langkah beliau itu diikuti oleh lebih 600 orang ketua setiausaha, ketua jabatan dan para pemimpin Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) yang menghadiri Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga (MAPPA III).

Majlis itu disaksikan oleh Dr. Mahathir yang hadir untuk menyampaikan ucapan pada MAPPA III.